

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TELDA TRANSPORT SERVICE SDN. BHD.  
(KUANTAN)

Oleh

MOHD YAZAL BIN RAMLY  
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
Jabatan Pengurusan Dan Perasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Darul Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

W. 12289

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)



LI 43 FPE 2 2005



1100039917

Laporan akhir latihan industri di Felda Transport Service Sdn Bhd (Kuantan) / Mohd Yazal Ramly.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039917

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
FELDA TRANSPORT SERVICE. SDN. BHD.  
(KUANTAN)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MOHD YAZAL BIN RAMLY  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA:**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

## **PENGHARGAAN**

Sebelum membuka bicara dengan lebih jauh, pelatih ingin mengucapkan setinggi-tinggi kepada Allah S.W.T kerana dengan keberkatannya maka pelatih telah berjaya menghabiskan tempoh praktikal selama 12 minggu dengan jayanya. Selain itu pelatih juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim, Penyelia Latihan Industri KUSTEM, di atas segala tunjuk ajar dan panduan yang telah diberikan sebelum, semasa, dan selepas tempoh latihan industri yang dijalani oleh pelatih. Ucapan ribuan terima kasih kepada beliau di atas kesudian memberi tunjuk ajar dan garis panduan dalam menjalani tempoh latihan industri tanpa jemu. Pelatih amat menghargai jasa yang diberikan oleh beliau.

Ucapan ribuan terima kasih turut pelatih berikan kepada pihak Felda Transport Service Sdn. Bhd., di atas kesudian pihak syarikat membenarkan pelatih menjalani tempoh latihan industri di FTSSB. Ucapan ini ditujukan khas kepada Tuan Haji Mat Shahar bin Kassim, Pengurus Kawasan serta Encik Khairul Anuar Ehwan, Penolong Pengurus Kawasan Felda Transport Service Sdn. Bhd., kerana membantu pelatih. Di atas jasa dan tunjuk ajar mereka telah memberi ruang kepada pelatih untuk berada di FTSSB dan seterusnya merasai pengalaman sebenar suasana alam pekerjaan secara realiti. Pelatih juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Kassim, Eksekutif Tadbir dan Kewangan merangkap sebagai Penyelia Industri kerana telah bertanggungjawab bertindak sebagai wakil kepada pihak KUSTEM.

Selain itu, ucapan penghargaan turut pelatih tujukan kepada semua kakitangan Felda Transport Service Sdn. Bhd., yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pelatih tanpa rasa jemu dan sentiasa bersedia memberi kerjasama sepenuhnya.

Pelatih amat terharu di atas layanan yang diterima daripada kakitangan FTSSB, yang lebih mengagap pelatih seperti adik mereka yang perlu bimbingan dan tunjuk ajar. Penghargaan tidak terhingga pelatih tujuhan kepada kakitangan Bahagian Bengkel iaitu Encik Shukri bin Hashim (Eksekutif Teknik), Encik Abdul Halim bin Sulaiman (Kerani Perolehan), Encik Adnan Sarip (Kerani Setor), Encik Dzulkifli bin Jamaluddin (Kerani Tayar), Encik Norazman Kamaruddin dan Encik Maghribi (Kerani Diesel). Manakala bagi Bahagian Operasi pelatih ingin mengucapkan perhargaan kepada Encik Jamaludin bin Khalid (Penyelia Operasi Kargo), Encik Wan Ahmad bin Wan Ngah (Penyelia Operasi Sawit), Puan Normala bin Haji Mahmood dan Puan Noraziah bin Ali (Kerani Kanan), Encik Ibrahim bin Talib, Encik Shahberi bin Mohd Amin dan Encik Raja Mohd (Kerani Operasi). Di bahagian Kewangan dan Pentadbiran pula pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Husaini bin Abdul Halim (Kerani Kewangan), Puan Bedah Embong (Kerani Perjawatan) Puan Serimah bin Jamaludin (Kerani Pentadbiran), Encik Sauddi Mohammed (PRO), Encik Muhammad Husin (Penyelia Courier) serta kakitangan yang lain banyak membantu pelatih di dalam menjalani latihan industri sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ucapan sekalung budi ditujukan kepada mereka, di atas jasa yang diberikan kepada pelatih.

Tidak ketinggalan untuk pelatih mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli jawatankuasa latihan industri yang telah bertungkus lumus melayani karenah pelatih di sepanjang latihan industri berlangsung. Kesungguhan dan kesabaran mereka amat pelatih hargai. Pelatih tidak melupakan kepada kaum keluarga pelatih yang banyak memberi sokongan moral dan dorongan untuk pelatih menjalani latihan industri. Jika tiadanya dorongan mereka semasa latihan industri, pelatih mungkin tidak dapat menjalani latihan industri. Alhamdullillah dengan Kurnia dan KeredhaaanNya pelatih berada di perantauan tanpa kaum keluarga, tetapi di atas sokongan yang diberikan pelatih berjaya menjalani latihan industri dengan jayanya.

## **MOHD YAZAL BIN RAMLY**

## ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	viii
SENARAI LAMPIRAN	53
 <b>BAB 1</b>	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG SYARIKAT	3
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	5
1.3 LOKASI SYARIKAT	6
1.4 KEGIATAN UTAMA SYARIKAT	7
1.4.1 DASAR KUALITI	9
1.5 MISI	10
1.5.1 VISI	10
1.6 DASAR SYARIKAT	11
1.7 OBJEKTIF KUALITI	11
1.7.1 HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN	12
1.7.2 KEPERLUAN AM	13
1.7.3 TANGGUNGJAWAB DAN KOMUNIKASI	15
1.7.4 WAKIL PENGURUSAN	16
1.8 CARTA ORGANISASI FTSSB KUANTAN	17

<b>1.9</b>	<b>FUNGSI DAN AKTIVITI SETIAP JABATAN</b>	<b>18</b>
------------	---	-----------

## BAB 2

<b>2.1</b>	<b>SISTEM BENGKEL (1)</b>	<b>25</b>
2.1.1	CARTA ALIRAN SISTEM BENGKEL (1)	27
2.1.2	PENERANGAN MENGENAI SISTEM BENGKEL (1)	28
2.1.3	MASALAH DALAM SISTEM	30
2.1.4	PENYELESAIAN MASALAH	31
2.1.5	KESAN PENYELESAIAN MASALAH	31
<b>2.2</b>	<b>SISTEM BENGKEL (2)</b>	<b>32</b>
2.2.1	CARTA ALIRAN SISTEM BENGKEL (2)	33
2.2.2	PENERANGAN SISTEM BENGKEL (2)	34
2.2.3	MASALAH DALAM SISTEM BENGKEL (2)	37
2.2.4	PENYELESAIAN MASALAH	38
2.2.5	KESAN PENYELESAIAN MASALAH	38
<b>2.3</b>	<b>SISTEM OPERASI KARGO DAN SAWIT</b>	<b>39</b>
2.3.1	CARTA ALIRAN SISTEM KARGO DAN SAWIT	41
2.3.2	PENERANGAN SISTEM OPERASI	42
2.3.3	MASALAH DALAM SISTEM	44
2.3.4	PENYELESAIAN MASALAH	45
2.3.5	KESAN PENYELESAIAN MASALAH	45

## **BAB 3**

<b>3.1</b>	<b>LAKARAN PENGHARAPAN</b>	<b>47</b>
<b>3.2</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>48</b>
<b>3.3</b>	<b>CADANGAN LATIHAN INDUSTRI</b>	<b>51</b>
<b>3.4</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>52</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>		<b>MUKA SURAT</b>
RAJAH 1	CARTA ORGANISASI SYARIKAT	15
RAJAH 2	CARTA ALIRAN SISTEM BENGKEL (1)	24
RAJAH 3	CARTA ALIRAN SISTEM BENGKEL (2)	30
RAJAH 4	CARTA ALIRAN SISTEM OPERASI	38

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri merupakan salah satu alternatif subjek yang sangat penting dalam pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Tujuan latihan industri diadakan untuk pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan relaliti alam pekerjaan.

Selain itu, melalui latihan industri ini, pelatih turut dapat mendekatkan diri dengan alam pekerjaan dimana pelatih berjaya meraih pengalaman berharga dan pendedahan awal terhadap kemahiran-kemahiran asas profesional berkaitan dengan bidang pembelajaran pelatih. Felda Transport Service Sdn. Bhd., adalah sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan dari segi pengangkutan bukan sahaja kepada Kumpulan Felda malah luar Kumpulan Felda. Felda Transport Service. Sdn. Bhd., memulakan operasinya pada 1 Januari 10, dan beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Sepanjang 12 minggu pelatih menjalani latihan industri di FTSSB Kuantan, pelatih telah di tempatkan di pelbagai Jabatan. Pelatih telah di peruntukan selama 4 minggu untuk di sesebuah Jabatan antaranya Jabatan Bengkel, Jabatan Operasi Kargo dan Sawit , Jabatan Tadbir dan Kewangan. Terdapat pelbagai sistem telah pelatih pelajari dan fahami dengan bantuan dan tunjuk ajar dari kakitangan FTSSB Kuantan yang sentiasa bersedia membantu.

Secara keseluruhannya pelatih mendapati FTSSB adalah sebuah organisasi yang kukuh kedudukannya dan mempunyai sistem yang teratur dan berkesan. Kakitangan FTSSB Kuantan terdiri daripada mereka yang sentiasa ingin memajukan diri mereka dan cemerlang dalam menjalankan tugas. Maka tidak hairanlah kenapa FTSSB mempunyai reputasi yang cemerlang dan sistem yang berkesan dan efisyen.